

Kesan Penyalahgunaan Media Sosial Terhadap Perubahan Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah. Satu Tinjauan Literature

Mazulizam Ismail^{1,a}, Abdul Hakim Abdullah^{2,b}

^{1,2}Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin,
21300 Kuala Terengganu, Malaysia

^amazulizamismail@gmail.com, ^bhakimabd@unisza.edu.my

Kata kunci: Komunikasi, teknologi maklumat, media sosial, internet, tingkah laku.

Keywords: Communication, information technology, social media, internet, behavior.

Abstrak. Perkembangan komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) memainkan peranan yang sangat penting bagi merealisasikan pelajar yang unggul selaras dengan perkembangan pendidikan abad 21. Kertas kerja ini adalah satu tinjauan literatur bagi mengenalpasti kesan penyalahgunaan media sosial terhadap perubahan tingkah laku pelajar sekolah menengah. Media sosial merupakan bahan digital dan interaktif yang bertindak sebagai perantara perkhidmatan untuk mendapatkan maklumat dan berhubung dengan mudah, cepat dan murah. Dengan kemudahan internet, manusia di seluruh pelusuk dunia boleh disatukan hanya di hujung jari tanpa adanya batasan waktu dan jarak melalui media sosial. Perkhidmatan yang dimiliki, membolehkan setiap orang berupaya mencipta laman peribadi, berhubung, berkongsi maklumat, berkomunikasi serta memberi komen. Kemunculan pelbagai gajet moden yang mesra pengguna seperti telefon pintar, tablet, iPhone, Android dan sebagainya mampu dimiliki oleh sebahagian besar pelajar sekolah. Tambahan pula pada hari ini penyedia rangkaian internet berlumba-lumba menawarkan pakej hebat dengan kadar bayaran serendah RM5 telah menarik minat pelbagai lapisan masyarakat termasuklah golongan pelajar. Tanpa kita sedari, keterbukaan dan kemampuan capaian yang hebat ini telah memberi impak dan perubahan yang besar terhadap tingkah laku golongan pelajar. Antara perubahan sikap yang dialami oleh pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan media sosial ialah keterlibatan dengan masalah keruntuhan akhlak, jenayah siber, agresif, kemurungan, ketagihan dan membazir masa serta kesunyian dan anti sosial. Kesimpulannya didapati bahawa pelajar sekolah menengah menggunakan pelbagai kemudahan laman media sosial untuk tujuan hiburan dan hubungan sosial melebihi daripada penggunaan untuk pembelajaran dan mendapatkan maklumat berguna. Senario ini telah mengundang kepada berlakunya perubahan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah. Oleh sebab itulah ibu bapa, penjaga, ahli keluarga serta guru perlu mengawasi dan memantau penggunaan media sosial dalam kalangan anak-anak supaya mereka hanya menggunakan rangkaian media sosial yang bersesuaian dengan umur dan tahap penggunaannya.

Abstract. The development of communication and information technology (ICT) plays an important role in realizing superior students in line with the development of the 21st century education. This paper is a literature review to identify the impact of social media abuse on the changing behavior of high school students. Social media is a digital and interactive material that acts as an intermediary for information to get information and communicates easily, quickly and inexpensively. With the ease of the internet, people scattered across the globe can be united only at the tip of the finger without the limitation of time and distance through social media. Services owned, enabling everyone to create personal sites, connect, share information, communicate and comment. The emergence of a variety of user-friendly modern gadgets such as smartphones, tablets, iPhones, Android and so on can be owned by most schoolchildren. Furthermore, today's internet network providers are offering a fantastic package with a rate of as low as RM5 which has attracted various levels of society including students. Without us being aware, this great openness and capability of achievement has had a great impact and change in the behavior of the students. Among the changes in attitudes experienced by students involved in abuse of social media are the involvement with moral failure, crime, aggression, depression, addiction, waste of time, silence and anti-social. The conclusion is that secondary school students use a variety of social media sites for entertainment and social relationships beyond use for learning and obtaining useful information. This scenario has led to a negative change in behavior among school students. That's why parents, guardians, family members and teachers need to monitor and monitor the use of social media among children so they only use social media networks that are appropriate to their age and level of use.

PENGENALAN

Penggunaan media sosial kini menjadi satu trend baru di seluruh dunia. Dengan kemajuan teknologi, keupayaan capaian internet juga turut berkembang pesat. Perkembangan ini turut memberi pengaruh yang sangat besar terhadap penggunaan media sosial. Setakat Jun 2017, jumlah pengguna internet dunia telah melebihi 3.8 billion. Di Asia sahaja pengguna tegar internet hampir mencecah angka 2 billion dan Malaysia telah tersenarai antara “Top 10” yang menyumbang kepada

angka tersebut (www.Internetworldstats.com). Media sosial merupakan alat digital dan interaktif yang bertindak sebagai perantara perkhidmatan untuk mendapatkan maklumat dan berhubung dengan mudah, cepat dan murah. Keupayaannya menggabungkan tiga elemen utama; teknologi, perbualan dan perkongsian maklumat menjadikannya perantara pilihan yang utama masyarakat dunia pada masa kini (Siti Ezaleila, 2013).

Transformasi pendidikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi menyediakan pelajar kelas pertama serta mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi adalah salah satu usaha yang sangat baik lebih-lebih lagi dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang bermaklumat, inovatif serta kreatif dalam menghadapi cabaran dunia global abad ke 21. Rentetan daripada usaha tersebut, pelajar perlu menguasai kemahiran komunikasi dan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran berbantuan aplikasi media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Instagram, YouTube, Google Plus dan sebagainya (Munira Husna, Abdul Razaq dan Noria Munirah, 2015)

Terdapat banyak kebaikan penggunaan rangkaian media sosial seperti Facebook sebagai salah satu alat bantuan bagi proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam bilik darjah mahu pun di luar waktu pembelajaran. Ini kerana ciri media sosial itu sendiri yang bersifat interaktif adalah sangat efektif bagi menggalakkan berlakunya interaksi dan perbincangan secara aktif dalam kalangan pelajar terutamanya selepas sesi pembelajaran bersama guru-guru.

Penggunaan rangkaian media sosial dikatakan telah membawa perubahan yang besar dalam bidang pendididn masa kini. Para pelajar tidak lagi perlu bergantung kepada guru semata-mata tetapi mereka sekarang boleh terus membuat rujukan dan mendapatkan maklumat melalui media sosial. Malahan YouTube juga didapati dapat meningkatkan skil pembelajaran dalam kalangan pelajar sekolah terutamanya pembelajaran bersama rakan sebaya dan soalan-soalan penyelesaian masalah (Rajesh dan Michael, 2015).

Walau bagaimana pun di sebalik keistimewaan dan teknologi yang dimiliki oleh rangkaian media sosial ianya turut mengundang pelbagai masalah yang boleh menyumbang kepada berlakunya perubahan tingkah laku negatif dalam kalangan pelajar sekolah.

MEDIA SOSIAL

Media sosial merupakan sekumpulan rangkaian aplikasi berasaskan internet yang dibangunkan melalui teknologi web 2.0 yang boleh digunakan terus secara talian dan membolehkan para pengguna menyertai, berkongsi dan mencipta isi meliputi blog, rangkaian sosial, wiki, forum dan dunia virtual dengan mudah (Ahlqvist et. al., 2010; Kaplan & Haenlein, 2010)

Rangkaian media sosial bukan setakat berkongsi maklumat berbentuk tulisan, tetapi turut berupaya muat turun gambar, permainan, audio dan video (Kietzmann & Hermkens, 2011). Keghairahan manusia menggunakan media sosial sebagai alat perhubungan hasil daripada kemunculan aplikasi Facebook yang dilancarkan oleh Mark Zuckerberg pada 4 Februari 2004 untuk berkongsi maklumat dalam kalangan mahasiswa Harvard (Ika Destiana et. al., 2013; Ahmed et. al., 2016). Facebook seterusnya telah memenangi hati para pengguna bukan sahaja pada peringkat remaja tetapi juga kanak-kanak hingga peringkat warga emas.

Di Malaysia pula, era pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta capaian internet bermula pada tahun 2008, didahului oleh laman sosial paling popular iaitu facebook . Media sosial lain yang turut menjadi pilihan adalah Friendster dan Twitter (Siti Ezaleila & Azizah, 2010; Mun, Li & Fernandez, 2011; O’keffe & Pearson, 2014). Laman sosial lain yang popular adalah seperti YouTube, Google+, Instagram, LinkedIn, Wechat, WhatsApp dan Telegram. Media sosial dilayari bukan sahaja di rumah, bahkan di premis-premis kerajaan, syarikat swasta, di stesen bas, di dalam kenderaan, di restoran atau kedai makan, malah di mana-mana sahaja dengan adanya kemudahan internet secara percuma atau dengan kadar bayaran yang rendah dan mampu milik.

PENGARUH PENYALAHGUNAAN MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU NEGATIF

Beberapa pengkaji tempatan mendapati bahawa remaja Islam yang terlalu taksab kepada penggunaan media sosial dalam kehidupan mereka boleh menyebabkan berlakunya masalah keruntuhan akhlak kerana leka dengan pelbagai aplikasi sosial yang menyajikan hiburan melampau dan lucah, melayari laman pornografi yang akhirnya membawa kepada peningkatan perbuatan zina, sumbang mahram, ponteng sekolah serta melupakan tanggungjawab sebagai hamba Allah, anak dan juga pelajar (Nor Azah, 2009; Mohd Dahlan & Ida Safinaz, 2010; Khatijah et. al., 2012; Wan Norina et. al., 2013).

Kajian yang dijalankan oleh Cline (2008); Nor Azah & Che Zarina (2011); Syed Shah Alam (2014) mendapati bahawa terdapat segelintir pengguna media sosial ini telah menyalahgunaan kemudahan komunikasi ini untuk mengakses internet dan laman yang tidak bermoral seperti web pornografi. Golongan lelaki sama ada pelajar universiti, remaja, kanak-

kanak hatta orang dewasa dan warga emas adalah penggemar utama laman web pornografi apabila mereka mempunyai kemahiran menggunakan internet yang akhirnya boleh mendorong mereka melakukan hubungan seksual dengan kekasih, rakan dan juga antara penyebab berlakunya peningkatan kes sumbang mahram dan kes pembuangan bayi yang semakin berleluasa di negara Malaysia.

Akhlag yang baik lahir daripada interaksi dengan persekitaran yang boleh mempengaruhi tingkah laku baik manusia manakala akhlak yang buruk adalah petaka dan bencana. Akibat terdedah dan percaya kepada janji-janji yang ditabur oleh rakan sembang alam maya juga adalah penyumbang kepada berlakunya kes-kes remaja perempuan lari dari rumah mengikut lelaki yang baru dikenali melalui media sosial. Ini kerana pelajar berumur 13 hingga 20 tahun merupakan individu yang mudah percaya kepada seseorang (Mohd Noor, 2010).

Penyalahgunaan media sosial turut menjadi pencetus berlakunya jenayah siber. Sebilangan golongan remaja sanggup terlibat dengan penipuan, memberi ancaman atau fitnah melalui email yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada penerima maklumat (Mohd Dahlan & Ida Safinaz, 2010). Disamping itu juga ekoran penyalahgunaan media sosial ini juga turut menyebabkan menularnya jenayah buli siber. Buli siber adalah antara risiko yang paling ketara dialami oleh kanak-kanak dan remaja yang terlibat dengan hubungan secara maya. Kesan buli siber akan mendatangkan pelbagai kesan psikologi, emosi dan tingkahlaku.

Donn B. Parker, penyelidik jenayah komputer dan keselamatan untuk SRI International California mendefinisikan ‘jenayah siber’ sebagai sebarang perlakuan yang mempunyai niat dan dikaitkan dengan komputer melalui sebarang cara yang menyebabkan mangsa menderita atau boleh menyebabkan penderitaan, kerugian yang berterusan. Ini disebabkan oleh internet sukar disekat, ditapis dan dihalang sebagaimana media massa lain. Pengaruhnya yang sangat luas mampu mengubah pemikiran golongan remaja kerana dengan adanya capaian internet, kebebasan bersuara hampir mencapai tahap mutlak.

Pengkaji barat sejak sedekad lalu hingga kini, menggambarkan kesan buruk penyalahgunaan rangkaian media sosial terhadap mangsa buli siber apabila mereka akan mula menampakkan perlakuan marah, sedih, rasa malu dan ketakutan yang tidak bertempat (Ybarra & Mitchell, 2007; Mishna et. al., 2010; Petraki et. al., 2013) yang telah mengubah personaliti seseorang individu sering memberontak dan melakukan tindakan ganas dan agresif (Zaleha , 2010). Sekiranya tidak diberikan bantuan yang bersesuaian, mangsa buli siber juga mempunyai kecenderungan mengalami masalah penyakit mental (Pumariega & Rothe, 2010; O’keeffe & Pearson, 2013; Alzahrani & Bach, 2014; Leung & Li, 2015).

Sejak akhir-akhir ini, didapati juga penggunaan media sosial telah disalahgunakan oleh sebilangan masyarakat untuk menyebarkan berita palsu, menghasut serta ada di antaranya juga bersifat mengugut. Ini dibuktikan melalui ucapan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar ketika sambutan peringatan Hari Polis ke 208 pada tahun 2015, bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan memantau segala jenis media sosial bagi mengelakkan disalah guna oleh individu tidak bertanggungjawab bagi tujuan menghasut, jika seseorang individu itu ingin menulis sesuatu kenyataan di media sosial, ia haruslah tidak berbau hasutan. Katanya lagi, sebagai penguat kuasa utama, PDRM akan mengambil pelbagai kaedah yang bersesuaian untuk mengekang perkara buruk ini supaya ianya tidak akan mengancam keselamatan awam dan negara (Sinar Harian, 26 Mac 2015).

Kajian yang telah dijalankan oleh Azizi et. al., (2014) terhadap para pelajar sekolah menengah di beberapa buah sekolah di Johor mendapati bahawa filem atau cerita yang menayangkan aksi lasak dan agresif menjadi tarikan dan pilihan pelajar. Tambahan pula banyak filem dan cerita-cerita berkaitan boleh dilayari secara percuma melalui rangkaian media sosial dan kesannya menyebabkan menularnya tingkah laku agresif dalam kalangan remaja sama ada di dalam kawasan sekolah mahu pun di luar sekolah yang akhirnya menyebabkan banyak harta awam dirosakkan dan berlakunya pergaduhan.

Melayari rangkaian media sosial seperti Facebook yang keterlaluan dalam kalangan pelajar sekolah boleh mendorong kepada satu penyakit sosial yang baharu iaitu ketagihan terhadap Facebook (Norhazlina et. al., 2011). Dapatan kajian oleh Noor Khairunnisa (2017) terhadap pelajar Sijil Teknologi Maklumat (STM) Kolej Komuniti Bandar Penawar , bahawa pelajar memperuntukkan masa untuk mengakses Facebook sekurang-kurangnya tiga jam sehari dan ianya telah menjadi aktiviti harian pelajar selepas waktu pembelajaran. Para pelajar lebih banyak melayari Facebook untuk berinteraksi dengan rakan maya, menambah rakan baru, memuat naik gambar dan mengemaskini profil peribadi daripada mendapatkan maklumat berkaitan pelajaran. Terdapat pula sebahagian besar pelajar yang kerap mengakses Facebook bagi aplikasi permainan seperti Farmville, Cityville, Mafia Wars, Cafe World, Restaurant City dan Treasure Isle yang mendorong berlakunya masalah ketagihan dan ingin sentiasa bermain dari semasa ke semasa (Nik Adlin, 2014) menyebabkan mereka leka dan lalai serta membuang masa dengan sia-sia. Secara tidak langsung, para pelajar kurang memberi tumpuan dan perhatian menyiapkan tugas sekolah dan ada sesetengahnya menghadapi masalah kurang tidur dan keletihan di sekolah (Norhazlina et. al., 2011; Nik Adlin, 2014).

Disamping itu juga ketagihan yang melampau kepada penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak dan remaja

boleh mengundang kepada personaliti murung dan kesan yang lebih teruk lagi kerana sesetengahnya pula mengalami masalah tekanan jiwa yang teruk (Fu, 2010; Johari & Raja Shahrina, 2012; Che Su & Nan Zakiah, 2014; Syed Shah Alam et. al., 2014). Dapatan ini telah menguatkan lagi kenyataan yang dikeluarkan oleh seorang pensyarah di Universiti Oxford, Dr. Susan Greenfield bahawa melayari laman web sosial secara berlebihan akan menjejaskan fungsi otak, tidak peka terhadap persekitaran dan orang lain serta boleh menyebabkan minda menjadi tumpul.

Dapatan yang diperolehi melalui pengkaji abad ini, Syed Shah Alam et.al., (2014); Che Su & Nan Zakiah (2014) serta Alzahrani & Bach, (2014), golongan muda yang menggunakan internet secara berlebihan sebenarnya mempunyai banyak masalah antaranya masalah dalam menjalin hubungan sosial, masalah tingkah laku, masalah fizikal dan kesihatan, masalah psikologi (sukar mengawal emosi, sukar membuat keputusan) serta turut menjejaskan mutu kerja individu. Golongan pelajar hari ini juga terlalu bergantung kepada penggunaan laman sosial sehingga mereka tidak berupaya mengembangkan potensi diri untuk bersemuka secara berdepan serta kurangnya komunikasi semulajadi dalam kehidupan seharian. Banyak masa hanya dihabiskan berinteraksi secara maya didepan komputer (Nik Adlin, 2014). Sekiranya situasi ini tidak diatasi tidak mustahil pada masa akan datang akan lahir masyarakat yang tidak lagi berupaya mengutarakan ide di depan khalayak serta hilangnya pemimpin yang hebat berpidato secara spontan.

Penggunaan internet dan media sosial sebagai alat komunikasi telah mempengaruhi gaya hidup masyarakat hari ini bukan hanya di negara maju tetapi turut dirasakan di kebanyakan negara sedang membangun. Adalah sukar untuk menentukan sama ada kesan penggunaan media sosial mendatangkan kesan baik atau buruk kerana ianya dipengaruhi oleh banyak faktor. Sekiranya teknologi yang dimiliki oleh rangkaian media sosial digunakan dengan baik, ianya mampu menggalakkan interaksi dan perbincangan secara aktif dalam kalangan pelajar sebagaimana dapatan oleh Noraïen et. al., (2014) tetapi sebaliknya akan berlaku sekiranya rangkaian media sosial tersebut disalahgunakan sebagaimana yang dirumuskan oleh Jin (2013), iaitu kesan penggunaan media sosial sangat bergantung kepada cara penggunaan, ciri personaliti dan sikap pengguna termasuklah kesediaan mereka untuk berkongsi maklumat dengan umum.

KESIMPULAN

Kertas kerja ini membincangkan tentang kesan penyalahgunaan media sosial terhadap perubahan tingkah laku dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Hasrat kerajaan Malaysia untuk meningkatkan taraf pendidikan melalui anjakan transformasi sistem pendidikan abad 21 yang bersifat holistik dan memberi penekanan kepada penguasaan pelajar terhadap penggunaan komputer, laman sosial serta kemudahan internet sangat memberangsangkan.

Namun demikian kemudahan ini perlu dikawal selia dengan rapi supaya rangkaian yang pelbagai guna ini tidak disalahgunakan oleh golongan pelajar untuk mengakses maklumat dan laman media sosial yang tidak bersesuaian dengan skop pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana terdapat banyak kes perubahan tingkah laku negatif seperti berlakunya keterlibatan pelajar sekolah menengah dengan masalah keruntuhan akhlak, jenayah, bersikap agresif, kemurungan, ketagihan dan membuang masa, kesunyian dan bersikap anti sosial ekoran daripada sifat ketaasuban terhadap penggunaan media sosial.

Oleh sebab itulah kerjasama antara pihak guru, ibu bapa serta masyarakat sangat perlu dalam memantau golongan pelajar dan anak-anak supaya menggunakan kemudahan yang disediakan secara bermanfaat. Pihak pelaksana pendidikan perlu menyekat laman sosial yang tidak berkenaan daripada memasuki premis pendidikan untuk mengelakkan pelajar sekolah melayari laman selain berkaitan dengan pendidikan terutamanya di sekolah. Ibu bapa dan masyarakat juga perlu mempunyai kemahiran melayari internet dan media sosial supaya mudah untuk memantau anak-anak dan golongan remaja daripada terjebak ke dalam rangkaian yang tidak mendatangkan manfaat kepada diri dan masyarakat.

BIODATA PENULIS:

Mazulizam Binti Ismail, adalah pelajar PhD di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu.

Abdul Hakim Abdullah adalah Profesor di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu

RUJUKAN

Ahlqvist, T., Back, A., Halonen, M. dan Heinonen (2008). “Social Media Roadmaps Exploring The Futures Triggered by Social Media. VTT Tiedotteita, ESPOO 2454, pp.13-16.

Alzahrani, S. dan Bach, C. (2014). *Impact of Social Media on Personality Development. International Journal of Innovation and Scientific Research:Vol.* 3, pp.111-116.

Ika Destiana, Ali Salman dan Mohd Helmi Abd Rahim (2013). *Penerimaan Media Sosial:Kajian Dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Palembang. Jurnal Kemanusiaan:Vol.* 29(2), pp.125-140.

Jin, S. A. A. (2013). *Peeling Back The Multiple Layers of Twitter’s Private Disclosure Onion; The Roles of Virtual Identity Discrepancy and Personality Traits in Communication privacy Manangement on Twitter. New Media & Society:Vol.*15(6), pp. 813-833.

Johari Hassan dan Raja Shahrina Raja Abdul Rashid (2012). *Ketagihan Penggunaan Internet Di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan Empat Di Bandaraya Johor Bahru. Journal of Technical, Vocational 7 Engineering Education:Vol.* 6, pp. 23-43.

Kaplan, A. M dan Haenlein, M. (2010). *Users of The World, Unite! The Challenges and Opportunities of Social Media. Business Horizon:Vol.* 53(1), pp. 59-68.

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Kurikulum Abad ke 21. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM*

Khatijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, Noorhasliza Mohd Nordin (2012). *Hamir Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. Journal of Social Science and Humanities,Vol* 7(1), pp.131-140.

Kietzmann, H. J dan Hermkens, K. (2011). “*Social Media*”? *Get Serious! Understanding the Functional Building Blocks of Social Business Horizon: Vol.* 54, pp. 241-251.

Leung, R. dan Li, J. (2015). *Using Social Media to Address Asian Immigrants’ Mental Health Needs: A Systematic Literature Review. Journal of Nature and Science. Vol.* 1(40), pp. 1-10.

Mishna, F., Cook, C., Godolla, T., Daciuk, J dan Solomon, S. (2010). *Cyber Bullying Behaviors Among Middle and High School Students. American Journal of Orthopsychiatry: Vol.* 80(1), pp. 362-374.

Mohd Dahlan dan Ida Safinaz Mohd Kamil (2010). *Jenayah & Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Cabaran & Realiti Dunia Siber. Kertas Kerja Persidangan, Universiti Malaysia Sabah.*

Mohd Effendi Mohd Mohd Matore (2010). *Facebook : Fenomena yang membawa ketagihan. Proceeding of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010.*

Mohd Nor Mat Yazid (2010). *Modenisasi Masyarakat Malaysia & ICT: Isu, Cabaran dan Penyelesaian. Kertas Kerja Persidangan, Universiti Malaysia Sabah.*

Mun, W. P., Li, F. M. dan Fernandez, P. R. (2011). *Social Life Connects The World: Malaysian Youth’s Usage Behaviour Of Social Network Sites. International Journal of Arts And Sciences: Vol.* 4(30),pp.157-178.

Munira Husna Bahaudin, Abdul Razaq Ahmad dan Noria Munirah Yakub (2015). *Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Abad ke-21: Isu dan cabaran. Proceeding 7th International Seminar On Regional Education :Vol.* 1, pp. 324-335.

Nik Adlin Nik Mohd Adib (2014). *Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Internet Kalangan Kakitangan Di KIAS. Diakses daripada http://kiasedu.hex.my/*

Nor Azah Abdul Aziz dan Che Zarrina Saari (2010). *Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasaan Undang-undang dan Amalan Spiritual. Journal of Islamic and Arabic Education: Vol.* 3(1),pp. 29-46.

Noraïen Mansor, Suria Hani Ibrahim, Nina Marlini Ahmad, Wan Nurhafeza Wan Salam, Mohd Zulkanain dan Husna Nurul Izzah Jamaluddin @ Nordin (2014). *Social Media In ESL Classroom: Exploring The Impact On Language Learning. Journal Of Business and Sicial Development Vol.* 2(1), pp. 14-18.

Norhazlina Abd Hamid, Abdul Malek Abdul Rahman, Ahmad Fauzi Mohd Ayub dan Wan Marzuki Wan Jaafar (2011). *Ketagihan Facebook Dalam Kalangan Pelajar Sekolah.*

Noor Khairunnisa Othman (2017). *Penggunaan Aplikasi Facebook Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar. E-Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition,* pp. 1-8.

- O’keffe, G. S dan Pearson, K. C.,(2014). *Clinical Report-The Impact of Social media on Children, Adolescent, and Families. American Academy of Pediatrics*, pp. 800-804.
- Petraki, E., Yang, Y., Brink, M. V. dan Stil, M. (2013). *Executif Summary: Social Media Effects Among Primary School Children. Universiti Van Amsterdam*,pp. 1-9
- Pumariega, A. J dan Rothe, E. (2010). *Leaving No Children Or Families Outside:The Challenges of Immigration. American Journal of Orthopsychiatry; Vol. 80(4)*, pp. 505.
- Sinar Harian, 26 Mac 2015.
- Siti Ezaleila Mustafa dan Azizah Mahzan (2010). Media sosial: Tinjauan terhadap laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan. Jurnal Pengajian Malaysia: Vol. 12(2), pp. 37-52.
- Sreeja Rajesh dan Michael, J. (2015). Effectiveness of Social Media in Education. International Journal of Innovative Research in Advanced Engineering (IJIRAE): Vol. 2 (10), pp. 29-31.
- Syed Shah Alam, Nik Mohd Hazrul Nik Hashim, Maisarah Ahmad, Che Aniza Che Wei, Sallehuddin Mohd Nor dan Nor Asiah Omar (2014). *Negative and Positive Impact of Internet Addiction on Young Adults: Empericial Study In Malaysia. Intangible Capital; Vol. 10(3)*, pp. 619-638.
- Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkruddin, Mohamad Yusoff dan Ahmad Arifin Sapar (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. The Online Journal of Islamic Education: Vol. 1(1).
- Ybarra, M. dan Mitchell, J. (2007). *Prevalence and Frequency of Internet harassment Instigation: Implications for Adolescent Health. Journal of Adolescent Health: Vol. 41*, pp. 189-195.
- Zaleha Yaacob (2010). Pengaruh Keganasan Dalam Media Terhadap Tingkahlaku Agresif Remaja. Tesis Master Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, pp. 24-28.